

Global Conferences Series:

Social Sciences, Education and Humanities (GCSSEH), Volume 1, 2019

Simposium Antar Bangsa Seminar dan Workshop (SABSW)

DOI : <https://doi.org/10.32698/2153>

## The Effectiveness of Sand Tray Therapy in Addiction Counseling as an Intervention in Increasing Treatment Motivation of Recovering Adolescents

Muhammad Syakirin Md Salleh<sup>1</sup>, Ku Suhaila Ku Johari<sup>2</sup>, Mohamad Isa Amat<sup>3</sup>, Zuraidah Ayob<sup>4</sup>  
[suhaila@ukm.edu.my](mailto:suhaila@ukm.edu.my)<sup>3</sup>

Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>12</sup>, Universiti Sains Islam Malaysia<sup>3</sup>, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia<sup>4</sup>

**Abstract.** Addiction counseling is one of the critical components in substance use disorders (SUD) as it helps individuals to identify problematic behaviours and change them into positive. Sand tray therapy is an approach in the counselling process in order to explore the problems and issues of the client. The purpose of this study is to measure the effectiveness of the sandtray therapy in increasing the motivation towards change among adolescent substance abuse at Cure and Care (CnC), the residential substance abuse treatment facility supervised by the National Anti Drug Agency (AADK) in District of Kota Bharu, state of Kelantan. This was a quantitative research using repeated-measure on pre and post test among 32 adolescent substance abuse. This study employed The Stage of Change and Treatment Eagerness Scale (SOCRATES). Result shows that sandtray therapy approach has been found to increase the motivation among adolescent substance abuse to change. The discussion of findings, study implication and future direction are also included.

**Keywords:** Addiction Counseling, Sand Tray Therapy, Motivation.

### 1 Pendahuluan

Penagihan merupakan penyakit psikososial yang kronik. Penagihan akan menyebabkan seseorang itu mengalami masalah pergantungan terhadap dadah dan tindakan berhenti secara serta merta hanya akan mengakibatkan seseorang itu mengalami withdrawal symptom iaitu kembali semula pada dunia penagihan. Bantuan dari segi terapi sangat penting bagi mengurangkan risiko berkaitan kesihatan. Ini sangat penting bagi penagih Amphetamine Type Stimulant (ATS), dimana risiko untuk relapse adalah tinggi. Oleh itu kaunseling ketagihan merupakan alternatif yang sesuai dalam membantu seseorang itu berhadapan dengan ketagihan yang dialami. Menurut Lasimom bin Matokrem 2015, kaunseling ketagihan akan menekankan perubahan tingkah laku dengan memberikan strategi daya tindak dan kaedah untuk memulihkan klien. Oleh bantuan dari segi terapi dan kaunseling perlu diberikan penekanan. Terapi dulang pasir adalah salah satu daripada pendekatan kaunseling kreatif yang boleh digunakan dalam kaunseling ketagihan. Menurut Ji Hwan Shin & Mikyung Jang 2016, terapi dulang pasir merupakan terapi yang semulajadi yang mampu meluahkan konflik dalaman seseorang.

Oleh itu, terapi dulang pasir dilihat pendekatan yang sesuai digunakan dalam kaunseling ketagihan yang memerlukan pendekatan yang selamat dan berkesan serta tidak terburu-buru dalam membantu penagih dadah untuk berubah. Kaedah semulajadi adalah penting dalam membantu penagih dadah untuk pulih. Jika tiadanya suasana yang semulajadi, ianya boleh mencetuskan mekansime bela diri dalam kalangan penagih dan menyukarkan untuk mencipta suasana yang terputik dalam kalangan terapi dan klien Homeyer dan Sweeney (2011; 2016) menegaskan bahawa terapi dulang pasir adalah satu intervensi yang berkesan untuk klien yang trauma. Finkelstien, VandeMark, Fallot, Brown, Cadiz, dan Heckman (2004) menangani trauma adalah keperluan yang penting dan sebahagian daripada rawatan penyalahgunaan dadah. Menurut Lorraine Razzi Freedle et, al 2015, terapi dulang pasir memberi kesan yang positif terhadap remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah serta merupakan alternatif dalam meluahkan konflik yang dialami semasa menjadi penagih dadah.

Terapi dulang pasir juga memainkan peranan yang penting dalam merawat remaja penagihan dadah. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti maklumat latar belakang dalam kalangan remaja penagihan dadah. Selain itu, pengkaji ingin mengkaji keberkesanan terapi dulang pasir dalam meningkatkan motivasi penagih dadah remaja sebelum dan selepas terapi dijalankan dengan menggunakan instrument daripada SOCRATES. Melalui kajian yang dijalankan oleh Ji Hwan Shin & Mikyung Jang (2016), terapi dulang pasir merupakan kaedah yang semulajadi dalam membantu klien meluahkan konflik dalaman mereka. Kajian mereka juga mendapati terapi dulang pasir berkesan dalam mengurangkan ketagihan penggunaan telefon pintar dalam kalangan remaja serta dapat mengenalpasti punca ketagihan tersebut.

## **Motivasi**

Terdapat banyak faktor yang menggalakkan pengambilan dadah dalam kalangan penagih terutamanya berpunca daripada pengaruh kawan, perasaan ingin tahu, keseronokan dan tekanan jiwa (AADK, 2017; AADK, 2016). Menurut Suppiah Nachiappan (2015), antara faktor pendorong yang menyumbang kepada pengambilan dadah berterusan ialah kekurangan motivasi untuk pulih di kalangan penagih dadah. Kajian beliau mendapati penagih tidak dapat kembali kehidupan asal mereka kerana mereka terlalu lama menghisap dadah, kehidupan mereka terlalu sebat dengan penagihan dadah dan mempunyai motivasi diri yang rendah. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Amin al Shafie et. al (2015) menyatakan klien kebanyakannya masih berada di tahap motivasi yang rendah (tahap pra-timbangan dan pertimbangan) walaupun mendapat rawatan di klinik Cure & Care.

Menurut Huzili bin Hussin (2015) beliau menyatakan bahawa kebanyakan penagih dadah mempunyai harga diri yang rendah kerana mengalami tekanan daripada masyarakat luar. Para penagih perlu diberikan sokongan dan bantuan yang sistematik agar mereka dapat meningkatkan keyakinan sendiri untuk kembali semula ke pangkuan masyarakat untuk menjalani kehidupan yang normal. Kajian beliau telah menggunakan kaedah kaunseling kelompok dalam meningkatkan motivasi penagih dadah dan mendapati pendekatan kaunseling kelompok mampu meningkatkan motivasi penagih dadah. Menurut Ramsey (2014), terapi dulang pasir merupakan kaedah yang berkesan untuk melihat pengalaman dan budaya orang lain dan jika dikendalikan dengan betul, ianya mampu membantu memulihkan klien seterusnya memahami permasalahan yang dihadapi oleh klien.

Berdasarkan kepada dapatan-dapatan kajian di atas, maka kajian ini mengambil inisiatif dalam membantu AADK mencari alternatif dalam membantu klien-klien mereka dalam program rawatan khususnya klien-klien remaja dan kanak-kanak yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah berasaskan pendekatan oleh Ji Hwan Shin & Mikyung Jang (2016) dan Lisa C. Ramsey (2014). Kajian ini dijalankan terhadap penghuni CnC Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini telah menggunakan pendekatan eksperimen yang menggunakan reka bentuk kumpulan rawatan ujian pra dan pasca. Seramai 32 ( $n=32$ ) responden dari populasi di CnC seramai 70 ( $N=70$ ) telah dipilih menggunakan persampelan bertujuan melibatkan responden remaja lelaki penagih dadah yang menepati ciri yang ditetapkan oleh kumpulan penyelidik iaitu:- 1) umur responden dari 13 ke 17 tahun, 2) mempunyai tahap kesihatan mental yang baik, 3) pernah menggunakan sekurang-kurang 1 jenis dadah, 4) mempunyai tahap treatment compliant yang baik, dan 5) bersetuju menjalani sesi kaunseling menggunakan dulang pasir seperti yang telah ditetapkan oleh penyelidik.

## 2 Metode

### Instrumen Kajian

Borang soal selidik The Stage of Change and Treatment Eagerness Scale (SOCRATES) telah digunakan sebagai instrumen data kuantitatif. SOCRATES adalah 19 item yang direka untuk menilai motivasi atau kesediaan untuk berubah. Ia mengandungi 3 subskala iaitu Pengiktirafan (Recognition), Keraguan (Ambivalence) dan Mengambil Langkah (Taking step). Untuk menganggarkan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik, pekali alpha Cronbach digunakan melalui perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Nilai pekali alpha Cronbach untuk item soal selidik ini adalah .787.

### Reka Bentuk Kajian

Pendekatan eksperimen yang dijalankan adalah separa eksperimen (quasi-experimental design) di mana 32 peserta telah terpilih atas cadangan pihak pengurusan. Ciri-ciri sampel yang diperlukan adalah seperti remaja lelaki, mempunyai tahap kerjasama yang baik, sihat dan tiada penyakit. Setiap responden akan dibahagikan mengikut kumpulan untuk menjalankan intervensi terapi dulang pasir. Satu kumpulan memerlukan seramai 4 orang dan tempoh intervensi adalah selama 40 minit setiap sesi. Sebanyak 8 sesi telah dijalankan terhadap responden kajian. Dalam kajian ini semua data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan pengiraan perisian komputer iaitu IBM SPSS. Analisis paired sampel test telah digunakan untuk melihat peratusan keberkesanan tahap motivasi penagih dadah remaja sebelum dan selepas. Manakala ujian diskriptif dijalankan untuk melihat peratusan data demografi sampel kajian.

### 3 Hasil dan Pembahasan

Dapatan kajian ini dibincangkan mengikut objektif kajian iaitu mengenalpasti maklumat latar belakang sampel kajian dan mengkaji keberkesanan terapi dulang pasir dalam meningkatkan motivasi rawatan penagih dadah remaja

#### Objektif 1: Menenalpasti maklumat latar belakang remaja penagih dadah.

Berikut merupakan dapatan kajian maklumat latar belakang respondeng dari segi umur, tahap pendidikan, status ibu bapa, pengalaman mengedar dadah dan kesedaran tentang penyalahgunaan dadah:

**Jadual 1: Analisis Deskriptif Responden (N=32)**

| Variable              | f | %    |
|-----------------------|---|------|
| Umur                  |   |      |
| 14                    | 2 | 6.3  |
| 15                    | 8 | 25   |
| 16                    | 1 | 3.1  |
| 17                    | 7 | 21.9 |
| 18                    | 1 | 3.1  |
| 19                    | 1 | 3.1  |
| Tahap pendidikan      |   |      |
| UPSR                  | 7 | 53.1 |
| PMR                   | 2 | 37.5 |
| SPM                   | 1 | 3.1  |
| Lain-lain             | 2 | 6.3  |
| Status Ibu Bapa       |   |      |
| Suami-isteri          | 9 | 59.4 |
| Berceraai             | 7 | 21.9 |
| Lain-lain             | 6 | 18.8 |
| Menyalahgunakan dadah |   |      |
| Ya                    | 1 | 96.9 |
| Tidak                 | 1 | 3.1  |
| Mengedar dadah        |   |      |
| Ya                    | 4 | 43.8 |
| Tidak                 | 8 | 56.2 |

Hasil analisis data mendapati peringkat umur yang paling tinggi menghuni CCRC Kota Bharu adalah 16 tahun iaitu sebanyak 34.4% dan sebanyak 25.0% responden yang berumur 15 tahun. Dari segi tahap pendidikan pula, sebanyak 53.1% responden hanya mempunyai tahap pendidikan di peringkat UPSR sahaja berbanding PMR 37.5%, SPM sebanyak 3.1% sahaja dan 6.3% belajar di sekolah pondok. Manakala dari segi status hubungan ibu dan ayah, data menunjukkan sebanyak 59.4% masih lagi mempunyai hubungan suami isteri manakala sebanyak 21.9% ibu bapa yang telah berpisah serta 18.8% telah kehilangan ibu atau bapa. Manakala sebanyak 96.9% responden mengaku terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Hasil analisis turut mendapati 43.8% responden pernah terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah, manakala 50.0% tidak pernah mengedar dadah. Dari segi kesedaran tentang penyalahgunaan dadah, analisis data mendapati bahawa sebanyak 96.9% menyatakan ya manakala sebanyak 3.1% menyatakan tidak.

## **Objektif 2: Mengkaji keberkesanan terapi dulang pasir dalam meningkatkan motivasi rawatan remaja penagih dadah.**

Berikut merupakan nilai signifikan antara ujian pra dan pasca kumpulan kawalan untuk mengukur keberkesanan terapi dulang pasir dalam meningkatkan motivasi remaja penagih dadah.

**Jadual 2: Kesiediaan untuk Berubah Sebelum dan Selepas Rawatan (N=32)**

| Kesiediaan<br>Untuk berubah | N  | Min  | S.D  | T     | Sig |
|-----------------------------|----|------|------|-------|-----|
| Pengiktirafan               |    |      |      |       |     |
| Pre Test                    | 23 | 3.90 | .590 | -406  | .68 |
| Post Test                   | 23 | 3.93 | .642 |       |     |
| Keraguan                    |    |      |      |       |     |
| Pre Test                    | 23 | 3.82 | .569 | 1.10  | .27 |
| Post Test                   | 23 | 3.72 | .513 |       |     |
| Mengambil Langkah           |    |      |      |       |     |
| Pre Test                    | 23 | 4.29 | .514 | -3.01 | .05 |
| Post Test                   | 23 | 4.53 | .407 |       |     |

Berdasarkan jadual diatas, mendapati bahawa tiada perbezaan antara kesiediaan untuk berubah sebelum dan selepas rawatan. Dapatan menunjukkan tiada perbezaan antara Pengiktirafan (Recognition) sebelum rawatan ( $M=3.90$ ,  $SP=.590$ ), dan selepas rawatan ( $M=3.93$ ,  $SP=.642$ ), ( $t=-406$ ,  $dk=22$ ,  $P>0.05$ ). Walaupun ada sedikit perubahan namun ianya tidak signifikan. Manakala tiada perbezaan yang signifikan antara Keraguan (Ambivalence) sebelum rawatan ( $M=3.82$ ,  $SP=.569$ ) dan selepas rawatan ( $M=3.72$ ,  $SP=.513$ ), ( $t=1.10$ ,  $dk=22$ ,  $P>0.05$ ). Min untuk Keraguan (Ambivalence) menurun sebanyak 0.1.

Namun, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap Mengambil Langkah (Taking Steps) sebelum dan selepas rawatan. Perancangan sebelum rawatan ( $M=4.29$ ,  $SP=.514$ ) dan selepas rawatan ( $M=4.53$ ,  $SP=.407$ ), ( $t=-3.01$ ,  $dk=22$ ,  $P<0.05$ ). Min Mengambil Langkah selepas rawatan adalah lebih tinggi berbanding sebelum rawatan dan perbezaan min sebelum dan selepas Mengambil Langkah adalah 0.24.

Hasil dapatan kajian mendapati tidak terdapatnya perbezaan yang signifikan terhadap Pengiktirafan dan Keraguan sebelum dan selepas rawatan dijalankan. Namun terdapat perbezaan yang signifikan terhadap Mengambil Langkah sebelum dan selepas rawatan dijalankan. Bagi subskala Pengiktirafan, hasil kajian mendapati bahawa berlakunya sedikit peningkatan namun tidak signifikan. Keputusan di jadual 2 menunjukkan bahawa subskala pengenpastian mencatat ( $M=3.90$ ,  $SP=.590$ ) sebelum rawatan, dan selepas rawatan ( $M=3.93$ ,  $SP=.642$ ), ( $t= -406$ ,  $dk=22$ ,  $P>0.05$ ). Menurut to Miller, W. R., & Tonigan, J. S. (1996) individu yang mempunyai pengiktirafan yang rendah adalah individu yang mengaku masalah ketagihan bukan penyebab mereka berhadapan dengan masalah dan menolak jika dilabel sebagai penagih dadah.

Ini menjelaskan tahap pengiktirafan responden kajian masih lagi berada di tahap rendah walaupun selepas rawatan dijalankan dan kemungkinan untuk relapse sangat tinggi. Ini telah disokong melalui kajian daripada Mohd Rafidi Jusoh 2015 menyatakan bahawa Kajian-kajian menunjukkan bahawa majoriti penagih-penagih dadah yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan di Malaysia berada pada tahap kesediaan untuk berubah yang rendah iaitu Precontemplation dan Contemplation, dan masih kekal pada tahap yang sama apabila dibebaskan. Namun begitu, beberapa perkara perlu diambil kira dari aspek peningkatan aspek motivasi dalam tempoh singkat. Walaupun motivasi bersifat dinamik dan berubah-ubah (fluctuate), tempoh rawatan yang diberikan secara relatifnya lebih singkat daripada tempoh klien terlibat daripada tempoh terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Manakala untuk subskala Keraguan pula, hasil kajian mendapati berlakunya sedikit penurunan. Ini menjelaskan bahawa tahap keraguan responden kajian masih lagi agak tinggi. Ini bermaksud mereka masih teragak-agak untuk melakukan perubahan. Menurut to Miller, W. R., & Tonigan, J. S. (1996), individu yang mempunyai Keraguan yang rendah adalah individu yang tidak peduli tentang masalah yang dihadapi. Ini dapat dilihat daripada jadual 2, subskala Keraguan sebelum dan selepas rawatan mengalami penurunan iaitu daripada ( $M=3.82$ ,  $SP=.569$ ) kepada ( $M=3.72$ ,  $SP=.513$ ), ( $t= 1.10$ ,  $dk=22$ ,  $P>0.05$ ). Ini menunjukkan bahawa tahap keyakinan responden masih lagi rendah. Ini telah disokong oleh Salinan Nen et, al (2017) menyatakan bahawa keyakinan diri penagih yang rendah telah menyumbang kepada peratusan terbesar terhadap faktor yang menjejaskan tahap pemulihan penagih.

Walaupun bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan untuk subskala Mengambil Langkah walaupun sesi terapi ulang pasir hanya dijalankan secara marathon dalam tempoh yang agak singkat. Menurut to Miller, W. R., & Tonigan, J. S. (1996) individu yang mempunyai tahap Mengambil Langkah yang tinggi merupakan individu yang sudah bersedia untuk melakukan perubahan yang positif dalam menyelesaikan masalah ketagihan mereka. Ini dapat dibuktikan melalui jadual 2, hasil kajian mendapati berlaku peningkatan iaitu sebelum rawatan ( $M=4.29$ ,  $SP=.514$ ) dan selepas rawatan ( $M=4.53$ ,  $SP=.407$ ), ( $t=-3.01$ ,  $dk=22$ ,  $P<0.05$ ). Ini menjelaskan bahawa walaupun tahap Pengiktirafan dan Keraguan tidak mempunyai perbezaan yang signifikan namun, responden kajian mempunyai kesedaran untuk berubah ke arah kebaikan.

Dapatan kajian ini telah disokong oleh kajian lepas daripada Lorraine Razzi Freedle et, al 2015 dengan menyatakan bahawa terapi ulang pasir memberi kesan yang positif terhadap remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah serta merupakan alternatif dalam meluahkan konflik yang dialami semasa menjadi penagih dadah. Terapi ulang pasir juga

memainkan peranan yang penting dalam merawat remaja penagihan dadah walaupun tempoh rawatan yang diberikan mengambil masa yang singkat jika dibanding dengan keperluan berdasarkan 13 prinsip rawatan berkesan seperti yang digariskan oleh NIDA iaitu sekurang-kurangnya 90 hari.

Walaupun pendekatan terapi dulang pasir yang digunakan hanya berlangsung selama 2 hari, terdapat beberapa responden yang dikenalpasti dapat mengeluarkan isu-isu trauma dan isu ketakutan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dengan terbuka secara terapeutik sepanjang sesi terapi dulang pasir kerana suasana selamat dan terapeutik yang diwujudkan oleh kaunselor. Perkongsian melalui terapi dulang pasir yang melibatkan sensori tanpa mempunyai resistansi walaupun klien mendapat markah Ambivalence dan Recognition yang tinggi.

Pengkaji telah mengenalpasti beberapa alternatif untuk kajian ini, antaranya adalah melakukan beberapa penambahbaikan untuk kajian yang sebenar. Disebabkan kajian ini merupakan kajian rintis, terdapat beberapa kekangan dan kekurangan yang telah dikenalpasti. Menurut Fraenkel dan Wallen (1996), kajian rintis ialah cubaan yang dibuat secara kecil-kecilan dengan tujuan mengenalpasti kelemahan instrument kajian serta dapat mengenalpasti kelemahan atau kelompondan agar pengkaji dapat memperbaiki kekurangan itu. Antara limitasi kajian ini adalah dari segi tempoh pengumpulan data yang singkat. Selain itu, masalah untuk memahami item-item dalam instrument. Ini kerana ada sesetengah responden tidak tahu membaca dan menyukarkan lagi untuk mereka memahami item dalam instrument kajian. Ini kerana hampir 53.1% atau 17 orang responden dari 32 orang hanya mempunyai tahap pendidikan sehingga UPSR sahaja. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada tahap kefahaman responden kajian terhadap soalan dalam soal selidik.

Oleh itu, pengkaji telah menyenaraikan beberapa penambahbaikan antaranya ialah mengasingkan responden yang tidak tahu membaca dan yang tahu membaca. Tujuannya adalah memudahkan proses melengkapkan borang soal selidik. Selain itu, soalan soal selidik perlulah mudah untuk difahami dan menggunakan laras bahasa yang sesuai dengan tahap pendidikan responden. Akhir sekali, memanjangkan tempoh pengumpulan data serta menambah jumlah peserta kajian. Perlu diingat bahawa motivasi terhadap rawatan amat kritikal dalam tempoh rawatan pemulihan dadah yang berkesan. The National Institute of Drug Abuse Office (NIDA, 2017) menyatakan dalam prinsip rawatan berkesan, tempoh rawatan yang berkesan adalah sekurang-kurangnya 90 hari bagi seseorang klien itu stabil dalam rawatannya sekaligus klien dapat faedah rawatan yang dijalankan. Oleh itu, jika intervensi terapi sandtray dapat dilaksanakan dalam tempoh ini, ia dapat membantu treatment compliance yang lebih tinggi.

#### **4 Kesimpulan**

Sejak terapi dulang pasir diperkenalkan, kajian menggunakan pendekatan ini semakin meningkat. Kajian yang pada mulanya dijalankan pada kanak-kanak, kini telah tersebar luas untuk penggunaan kajian lain. Kaedah terapi dulang pasir adalah pendekatan yang berkesan dalam membantu pelbagai jenis populasi. Ini telah dibuktikan oleh kajian ini. Pendekatan dulang pasir telah membolehkan penyelidik membantu remaja ketagihan dadah dalam

meningkatkan tahap motivasi mereka untuk berubah. Tidak dinafikan, motivasi mempunyai kesan secara langsung terhadap tingkah laku mereka namun, terdapat faktor lain yang menyumbang kepada perubahan tingkah laku mereka. Kajian terdahulu mendapati bahawa faktor peribadi individu (pemikiran positif, pencapaian, persepsi) memainkan peranan dalam membantu meningkatkan tahap motivasi. Lebih banyak kajian diperlukan untuk melihat keberkesanan program sedia ada untuk pemulihan remaja ketagihan dadah. Adalah penting untuk kajian keberkesanan intervensi seperti ini dijalankan dengan lebih banyak pada masa akan datang kerana hanya dengan cara ini barulah dapat diketahui samada program berbentuk rawatan mampu memberi kesan seperti yang diharapkan.

## References

- [1] Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2017). Maklumat Dadah 2017. Kementerian Dalam Negeri.
- [2] Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2016). Maklumat Dadah 2017. Kementerian Dalam Negeri.
- [3] Amin Al-Haadi Bin Shafie, Khairunneezam Bin Mohd Noor, Abd Halim Bin Mohd Husin, Mohd Rushdan Bin Mohd Jailani, Mohamad Isa Bin Amat, Mohd. Rafidi Bin Jusoh, dan Adam Fariz Bin Mohd Zain. 2015. Keberkesanan Program C&C 1M terhadap Kualiti dalam Kalangan Bekas Peserta Program Pemulihan dan Rawatan. International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015).
- [4] Fraenkel, J., & Wallen, N. 1996. How to design and evaluate research in education. (Edisi kedua). San Francisco, CA: McGraw-Hill
- [5] Finkelstien, VandeMark, Fallot, Brown, Cadiz, and Heckman (2004). Enhancing Substance Abuse Recovery Through Integrated Trauma Treatment. The National Trauma Consortium.
- [6] Homeyer, L. E., & Sweeney, D.S. (2011). Sandtray therapy: A practical manual. Second Edition. New York, NY: Routledge, Taylor & Francis.
- [7] Huzili bin Hussin. 2013. Kesan Intervensi Terapi Kelompok Tingkah Laku Kognitif Terhadap Estim Kendiri dan Lokus Kawalan dalam Kalangan Penagih Dadah. Tesis Phd. Universiti Sains Malaysia.
- [8] Ji Hwan Shin & Mikyung Jang. 2016. Effect of Group Sandplay Therapy to be Addicted Youth's Addiction Levels and Anxiety. Journal of Symbols & Sandplay Therapy 2016, 6, Vol. 7, No. 1, 39-55.
- [9] Lasimom bin Matokrem. 2015. Intervensi dan Peranan Kaunselor untuk Menajan Kepulihan Klien Sepanjang Hayat. Jurnal Anti Dadah Malaysia Jilid 9, N0. 1
- [10] Lisa C. Ramsey. 2014. Windows and Bridges of Sand: Cross-Cultural Counseling Using Sand Tray Methods. Procedia - Social and Behavioral Sciences 159 ( 2014 ) 541 - 545
- [11] Lorraine Razzi Freedle, Deborah B. Altschul, and Agata Freedle. 2015. The Role of Sandplay Therapy in the Treatment of Adolescents and Young Adults with Co-occurring Substance Use Disorders and Trauma. Journal of Sandplay Therapy 24 (2), 127-145.
- [12] Mohd Rafidi Jusoh. 2015. Keberkesanan Terapi Kelompok Psikopendidikan Dalam Meningkatkan Motivasi Penagih Dadah. Jurnal Anti Dadah Malaysia Jilid 9, N0.1
- [13] Miller, W. R., & Tonigan, J. S. (1996). Assessing drinkers' motivation for change: The Stages of Change Readiness and Treatment Eagerness Scale (SOCRATES). Psychology of Addictive Behaviors, 10(2), 81-89.
- [14] Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Mohd Norahim, Mohamed Sani, Nor Jana Saim. 2017. Tahap Keyakinan Diri Bekas Penagih Dadah dalam Pengawasan di Malaysia: Ke Arah Kepulihan Menyeluruh. Jurnal Psikologi Malaysia 31 (1) (2017).
- [15] Suppiah Nachiappan. 2015. Analisis Faktor Penyumbang Terhadap Penyalahgunaan Dadah dan Usaha Pemulihan dari Segi Kognisi di Pusat PENGASIH Malaysia. EDUCATUM - Journal of Social Science Vol 1 / 2015 / 34-39